



## KENYATAAN MEDIA

### JERAYAWARA PROGRAM PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMY) TERUS PERKASA SUARA BELIA NEGARA

---

**JOHOR BAHRU, 11 APRIL 2026** – **Parlimen Malaysia** meneruskan komitmen teguhnya dalam melahirkan pelapis kepimpinan negara melalui penganjuran **Jerayawara Program Parlimen Belia Malaysia (PBMy)** bertempat di **Kompleks Tan Sri Mohamed Rahmat, Johor Bahru**.

Program yang kemuncaknya berlangsung pada 11 April 2026 ini merupakan siri jerayawara yang ke-6 dianjurkan. Inisiatif ini terus mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada golongan belia. Rekod jumlah pendaftaran keahlian kini telah mencecah seramai **9,588 orang**.

**YBhg. Dato' Dr. Ahmad Husaini bin Abdul Rahman, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia** merangkap Pengerusi Parlimen Belia Malaysia, telah menyantuni para peserta secara langsung melalui Sesi Dialog Jerayawara Program PBMy. Sesi ini memfokuskan kepada pemeraksanaan peranan generasi muda dan merupakan medan interaktif yang penting untuk mendekatkan institusi parlimen dengan belia di peringkat akar umbi.

Terdahulu pada sebelah pagi, para peserta turut diberikan pendedahan menyeluruh mengenai fungsi dan tatakelola melalui sesi taklimat PBMy yang disampaikan oleh Unit Dasar. Jerayawara di Johor Bahru ini diakhiri dengan cemerlang menerusi ucapan penutupan yang disempurnakan oleh **YB Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara**.

Peningkatan keahlian seramai 9,588 orang ini membuktikan bahawa generasi muda Malaysia semakin cakna dan berminat untuk mengambil bahagian dalam amalan demokrasi dan pembentukan dasar negara. Parlimen Malaysia amat menyambut baik perkembangan positif ini dan sentiasa bersedia menyokong hasrat dan suara Parlimen Belia Malaysia.

**TAMAT**

**SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA**

**11 APRIL 2026**